

## ULASAN KES

**NIK ELIN ZURINA & TENGKU YASMIN NATASHA LWN  
KERAJAAN NEGERI KELANTAN [2024] CLJU 232**

*Norazlina Abdul Aziz*<sup>1</sup>  
noraz397@uitm.edu.my

*Ibtisam@Ilyana Ilias*<sup>2</sup>  
ilyanailias@uitm.edu.my

*Ahmad Ridhwan Abd Rani*<sup>3</sup>  
ridhwanrani@uitm.edu.my

Fakulti Undang-undang, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam,  
Selangor, Malaysia.<sup>1,2&3</sup>

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):<sup>1</sup>

### PENDAHULUAN

Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi di Malaysia. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan konsep ketinggian perlembagaan, perlembagaan diletakkan sebagai sumber rujukan tertinggi. Oleh itu, penggubalan perundangan lain yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan boleh diisytiharkan sebagai tidak sah dan terbatal dalam proses semakan kehakiman. Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan perkara yang berkaitan dengan bidang kuasa Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk menggubal undang-undang. Peruntukan ini perlu dibaca bersama-sama Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan untuk memperjelas perkara yang boleh digubal oleh Parlimen atau DUN. Secara umumnya, bidang kuasa untuk menggubal hal yang berkaitan dengan agama Islam berada dalam Senarai Negeri, Jadual Kesembilan. Namun begitu, tafsiran “hal berkaitan agama Islam” tidak konklusif dan dapat ditafsirkan secara luas atau sempit oleh pihak mahkamah. Terdapat beberapa kes di Malaysia yang mencabar kesahan undang-undang yang digubal oleh DUN, seperti kes *Iki Putra*

& *SIS Forum (M) lwn Kerajaan Negeri Selangor (Majlis Agama Islam Selangor, intervener)* [2022] 2 *MLJ* 356; *Mamat bin Daud & Ors lwn Government of Malaysia* [1988] 1 *MLJ* 119; dan *Muhammad Juzaili bin Mohd Khamis & Ors lwn State of government of Negeri Sembilan, & Ors* (2018). Kes dalam ulasan ini juga merupakan kes yang mencabar kesahan undang-undang yang digubal oleh DUN Kelantan melalui Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 (Enakmen 2019).

## FAKTA KES

Satu notis usul difailkan oleh peguam, Nik Elin Zurina Nik Abdul Rashid (Nik Elin) dan Tengku Yasmin Nastasha Tengku Abdul Rahman (Tengku Yasmin) pada 20 Mei 2022 bagi memohon Mahkamah Persekutuan untuk mengisytiharkan bahawa lapan belas kesalahan jenayah syariah dalam Enakmen 2019 tidak sah dan terbatal atas alasan bahawa DUN Kelantan bertindak melangkaui bidang kuasa menggubal undang-undang ketika meluluskan Enakmen 2019 ini. Pihak pempetisyen menghujahkan bahawa Parlimen telah membuat undang-undang persekutuan mengenai kesalahan yang sama. Oleh hal yang demikian, negeri tidak mempunyai bidang kuasa untuk menggubal undang-undang mengenai perkara yang sama seperti undang-undang persekutuan. Dalam erti kata lain, 18 seksyen ini dikatakan bertindih dengan peruntukan undang-undang persekutuan sedia ada. Petisyen ini difailkan di bawah bidang kuasa asal eksklusif Mahkamah Persekutuan. Skop bidang kuasa asal Mahkamah Persekutuan sangat kecil dan terhad, manakala jenis kes yang difailkan secara langsung di bawah bidang kuasa asal Mahkamah Persekutuan sangat spesifik (lihat Perkara 4(3), 4(4) dan 128(1)). Bagi permohonan semakan kehakiman ini, pempetisyen perlu mendapatkan kebenaran Mahkamah Persekutuan. Pada 30 September 2022, Mahkamah Persekutuan telah memberikan kebenaran supaya petisyen difailkan di mahkamah. Nik Elin dan anaknya, Tengku Yasmin, selaku pempetisyen telah diwakili oleh peguam, Datuk Malik Imtiaz Sarwar, manakala Kerajaan Negeri Kelantan yang dinamakan selaku responden tunggal, diwakili oleh peguam, Datuk Kamaruzaman Muhammad Arif.

## ISU

Terdapat beberapa isu yang ditimbulkan dan kemudiannya diulas oleh pihak mahkamah. Walau bagaimanapun, isu utama dalam kes ini ialah penentuan badan perundangan yang mempunyai bidang kuasa perlembagaan untuk menggubal peruntukan yang dicabar, sama ada

Parlimen atau DUN Kelantan. Mahkamah menegaskan bahawa petisyen ini tidak ada kaitan dengan prinsip substantif undang-undang Islam atau kedudukannya dalam negara ini. Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat, dalam penghakimannya menyatakan bahawa mahkamah membenarkan permohonan pempetisyen atas alasan bahawa DUN Kelantan tidak mempunyai bidang kuasa untuk menggubal undang-undang yang berkaitan dengan 16 kesalahan jenayah syariah yang dicabar. Keputusan berkenaan dicapai melalui penghakiman majoriti 8-1 apabila Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Tan Sri Abdul Rahman Sebli, memberikan keputusan yang berbeza.

### **KEPUTUSAN MAHKAMAH**

Pada 20 November 2023, Mahkamah Persekutuan dengan sembilan orang hakim yang diketuai oleh Ketua Hakim Negara mendengar penggulangan hujah kedua-dua belah pihak. Selepas hampir dua jam mendengar hujahan, mahkamah menengguhkan keputusan bagi memberikan masa kepada hakim yang terlibat untuk meneliti kes ini. Penghakiman terhadap kes ini telah didengar semula di Mahkamah Persekutuan pada 9 Februari 2024 apabila Mahkamah Persekutuan mengisytiharkan 16 daripada 18 kesalahan syariah yang dicabar dalam Enakmen 2019 terbatal dan tidak sah. Panel lapan hakim yang dipengerusikan oleh Ketua Hakim Negara membuat keputusan itu selepas membenarkan petisyen yang dikemukakan oleh Nik Elin dan Tengku Yasmin. Mahkamah menegaskan bahawa isu tunggal dalam kes ini ialah sama ada responden, melalui DUN Kelantan, mempunyai kuasa perlembagaan untuk menggubal peruntukan yang dipertikaikan. Ketua Hakim Negara menegaskan bahawa isu dalam kes ini bukanlah kedudukan Islam atau kedudukan mahkamah syariah di Malaysia, tetapi sama ada DUN Kelantan melakukannya mengikut batasan yang ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan atau sebaliknya. Perbincangan seterusnya adalah berkaitan dengan 16 kesalahan jenayah syariah yang diisytiharkan sebagai tidak sah dan terbatal, berserta ulasan mahkamah.

### **Memusnahkan atau Mencemarkan Tempat Ibadat (Seksyen 11)**

Mahkamah berpendapat bahawa Seksyen 11 membincangkan jenayah kebencian. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila mempertimbangkan seksyen secara keseluruhan, mahkamah mendapati bahawa kesalahan memusnahkan atau mencemarkan tempat ibadat merupakan kesalahan

agama yang digubal untuk menghukum perbuatan yang mempengaruhi ketenteraman dan keharmonian awam, sama ada dalam kalangan orang Islam atau bukan Islam. Jenayah kebencian ialah perkara yang berkaitan dengan undang-undang jenayah umum dalam kategori kedua dalam Perkara 4. Oleh itu, Seksyen 11 secara keseluruhannya tidak boleh dianggap sebagai kesalahan agama semata-mata.

### **Hal berkaitan Liwat, Persetubuhan dengan Mayat dan Hubungan Seksual dengan Bukan Manusia (Seksyen 14, Seksyen 16 dan Seksyen 17)**

Mahkamah berpendapat bahawa Seksyen 14, Seksyen 16 dan Seksyen 17 berkait rapat dengan keputusan mahkamah sebelum ini dalam kes *Iki Putra & SIS Forum (M) lwn Kerajaan Negeri Selangor (Majlis Agama Islam Selangor, intervener)* [2022] 2 MLJ 356. Kandungan seksyen yang dipertikaikan ini mempunyai ciri kesalahan yang berkaitan dengan hubungan seks luar tabii. Menurut pendapat mahkamah, hubungan seks luar tabii bukan kesalahan yang berkaitan secara langsung dengan prinsip Islam. Jika undang-undang tentang kesalahan ini diluluskan, undang-undang itu boleh digunakan sama rata kepada penganut bukan Islam dan penganut agama Islam. Oleh itu, mahkamah memutuskan bahawa ketiga-tiga kesalahan di bawah seksyen 14, seksyen 16 dan seksyen 17 bukanlah kesalahan yang perlu dikhususkan di bawah kesalahan jenayah syariah kerana pengkhususan ini akan mengecualikan penganut bukan Islam. Pada masa ini, kesalahan yang berkaitan dengan hubungan seks luar tabii telah diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan. Mahkamah juga berpendapat bahawa responden tidak mempunyai bidang kuasa untuk menggubal undang-undang yang berkaitan dengan hubungan seks luar tabii.

### **Gangguan Seksual (Seksyen 31)**

Mahkamah mendapati bahawa gangguan seksual tidak boleh digolongkan sebagai kesalahan khusus dalam agama Islam dengan mengambil kira sifat umumnya sebagai kesalahan jenayah yang dapat dilakukan secara umum di negara ini. Seksyen 31 ini termasuk dalam kategori umum bagi undang-undang jenayah seperti yang dinyatakan di bawah Perkara 4 Senarai Persekutuan. Oleh itu, mahkamah memutuskan bahawa badan perundangan negeri Kelantan tidak mempunyai kuasa untuk menggubal Seksyen 31.

## **Memiliki Dokumen Palsu, Memberikan Keterangan, Maklumat atau Kenyataan Palsu**

### **(Seksyen 34)**

Seksyen 34 memperuntukkan perkara yang berkaitan dengan pemilikan, pemberian dokumen atau maklumat palsu dan membantu pemalsuan dokumen. Perkara ini juga berkaitan dengan menghalang proses keadilan, sumpah palsu dan bukti palsu, khususnya yang berkaitan dengan prosiding di mahkamah syariah. Walau bagaimanapun, Senarai Persekutuan juga mempunyai peruntukan yang berkaitan dengan tindakan menghalang keadilan, sumpah palsu dan bukti palsu sebagai bidang kesalahan yang dapat dikenal pasti secara khusus dalam Perkara 4(e)(i) Senarai Persekutuan.

### **Apa-apa yang Memabukkan (Seksyen 36)**

Mahkamah memutuskan bahawa tiada definisi jelas dalam Enakmen 2019 yang berkaitan dengan minuman yang memabukkan. Maka, mahkamah berpendapat bahawa kesalahan di bawah Seksyen 36 ini lebih sesuai digubal oleh Parlimen yang mempunyai bidang kuasa menggubal di bawah Perkara 14(d) Senarai Persekutuan, yang memperuntukkan kesalahan yang berkaitan dengan dadah dan minuman keras yang memabukkan.

### **Judi (Seksyen 37)**

Mahkamah tidak mengulas kesahan Seksyen 37(1)(a), sebaliknya mengkhususkan ulasan terhadap Seksyen 37(1)(b). Mahkamah menyatakan bahawa Seksyen 37(1)(b) secara khusus membincangkan pelibatan dalam perjudian tanpa mengira, sama ada tempat perjudian ialah premis perjudian yang sah atau tidak dan tanpa mengira, sama ada aktiviti perjudian itu sendiri adalah sah atau tidak. Mahkamah berpendapat bahawa pertaruhan dan loteri yang dinyatakan di bawah Perkara 4(1) Senarai Persekutuan dapat dianggap merangkumi perjudian. Oleh itu, pentadbiran rumah perjudian dan pengawalan pertaruhan dan loteri, serta penggubalan kesalahan dan hukuman kesalahan ini berada dalam bidang kuasa Parlimen.

### **Transaksi Muamalat (Seksyen 40 dan Seksyen 41)**

Bagi Seksyen 40 dan Seksyen 41, mahkamah menyatakan bahawa perbankan Islam ialah perkara yang berkaitan dengan kewangan dan tertakluk pada

Perkara 7 Senarai Persekutuan. Bagi tujuan menetapkan prinsip perbankan Islam dan untuk memastikan keseragaman dalam bidang ini, Perkara 4(k) secara khusus memberikan kuasa kepada Parlimen untuk menetapkan undang-undang Islam dan undang-undang peribadi lain untuk digunakan dalam undang-undang persekutuan. Skop Perkara 4(k) Senarai Persekutuan berbeza daripada Perkara 1 Senarai Negeri. Perbezaannya ialah kebenaran penentuan prinsip undang-undang Islam untuk penggubalan undang-undang oleh persekutuan, seperti perbankan dan kewangan Islam. Senarai Negeri pula berkaitan dengan penggubalan undang-undang yang berkaitan dengan undang-undang peribadi.

### **Penyalahgunaan Label dan Konotasi Halal (Seksyen 42)**

Perkara 8 Senarai Persekutuan memperuntukkan hal yang berkaitan dengan kawalan makanan. Apabila ditafsirkan secara luas, hal itu meliputi frasa penyelewengan bahan makanan dan barang lain. Hal ini termasuklah hal yang berkaitan dengan standard dan keselamatan makanan. Oleh itu, hal ini terletak di bawah bidang kuasa Parlimen untuk menggubal undang-undang ini. Perkara 4(k) Senarai Persekutuan membenarkan Parlimen untuk menetapkan undang-undang Islam bagi tujuan undang-undang persekutuan. Dalam hal ini, aspek keselamatan makanan dan kesalahan yang berkaitan dengan keselamatan makanan berada di bawah bidang kuasa Parlimen. Oleh itu, penggunaan dan penyelewengan logo halal juga menjadi perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan.

### **Hal Perkaitan Perkhidmatan Maksiat (Seksyen 43, Seksyen 44, Seksyen 45 dan Seksyen 48)**

Mahkamah menyatakan bahawa Seksyen 43, Seksyen 44, Seksyen 45 dan Seksyen 48 boleh dibincangkan bersama-sama kerana membincangkan perkara yang serupa pada dasarnya. Ketika mengulas seksyen ini secara keseluruhannya, mahkamah menyatakan bahawa inti pati seksyen ini dan kandungannya membincangkan kesalahan menggalakkan pelacuran dalam satu bentuk atau yang lain. Mahkamah berpendapat bahawa pelacuran ialah kesalahan am yang termasuk dalam bidang kuasa Parlimen untuk menggubal undang-undang di bawah Perkara 4 Senarai Persekutuan. Perbuatan merayu perkhidmatan maksiat dan pelacuran ialah jenayah yang memberikan kesan bukan sahaja kepada individu yang menganuti agama Islam, tetapi juga kepada mana-mana individu di negara ini. Dalam

konteks tersebut, kesalahan ini bukanlah kesalahan khusus dari segi agama kerana termasuk dalam perkara undang-undang jenayah umum yang berkaitan dengan ketenteraman awam, keselamatan, kesihatan, moral dan sebagainya.

### **Perbuatan Sumbang Mahram (Seksyen 47)**

Mahkamah berpendapat bahawa kesalahan sumbang mahram ialah kesalahan am yang sepatutnya ditangani oleh Undang-undang Persekutuan sebagai undang-undang jenayah dalam Perkara 4 Senarai Persekutuan. Kesalahan ini turut membabitkan orang bukan Islam walaupun merupakan kesalahan menurut prinsip Islam dalam kategori yang lebih luas.

### **Menjual atau Memberikan Anak kepada Bukan Islam atau Muslim yang Tercela dari Segi Moral (Seksyen 13)**

Mahkamah memutuskan bahawa inti pati Seksyen 13 ini membincangkan hukuman kesalahan yang berkaitan dengan pemeliharaan anak. Dengan analisis yang lebih mendalam dan menyeluruh terhadap seksyen tersebut, tujuannya tidak kelihatan ditujukan untuk mengawal perdagangan manusia atau kesejahteraan kanak-kanak seperti yang dihujahkan oleh pempetisyen. Sebaliknya, inti patinya membincangkan kesalahan agama terhadap seseorang yang memeluk agama Islam, yang merampas seorang anak di bawah jagaannya dan memberikannya secara khusus kepada orang bukan Islam atau orang Muslim yang memiliki reputasi moral yang tercela. Oleh hal yang demikian, peruntukan ini sah dan tidak dibatalkan.

### **Perkataan yang Boleh Memecahkan Keamanan (Seksyen 30)**

Mahkamah berpendapat bahawa frasa “sesiapa yang dengan sengaja menyatakan atau menyebarkan kata-kata bertentangan dengan hukum syarak ...” ini perlu dibaca bersama-sama frasa “cenderung menyebabkan gangguan keamanan di mana-mana tempat” kerana dihubungkan dengan kata “dan”. Pendapat ini menolak hujah pempetisyen yang menyatakan bahawa kesalahan membuat kenyataan yang boleh mengganggu ketenteraman awam berada di bawah bidang kuasa Parlimen. Mahkamah memberikan penekanan terhadap bahagian penting dalam Seksyen 30 yang berkaitan dengan kesalahan seseorang yang dengan sengajanya mengucapkan atau menyebarkan kata yang bertentangan dengan hukum syarak yang menyebabkan perkara itu berada di bawah hal yang berkaitan

dengan Islam, seterusnya menyebabkan DUN Kelantan mempunyai bidang kuasa untuk menggubal peruntukan tersebut.

## ANALISIS PERUNDANGAN

Walaupun pihak mahkamah menegaskan bahawa isu utama dalam kes ini adalah berkaitan dengan bidang kuasa DUN Kelantan untuk menggubal undang-undang yang telah dicabar, masih terdapat beberapa isu perundangan lain yang perlu diperjelas bagi memberikan gambaran menyeluruh tentang kes ini. Perbincangan seterusnya ini dibahagikan kepada enam aspek perundangan yang berkaitan, iaitu hal yang berkaitan dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, hal yang berkaitan dengan berniaga dengan unsur riba, hal yang berkaitan dengan kesalahan judi, hal yang berkaitan dengan bidang kuasa mahkamah syariah, hal yang berkaitan dengan bidang kuasa DUN, *lokus standi* dan hal yang berkaitan dengan semakan kehakiman.

### a) Perlembagaan Persekutuan sebagai Undang-undang Tertinggi

Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara.

#### Perkara 4. Undang-undang utama Persekutuan

“(1) Perlembagaan ini ialah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan ini adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu.”

Perlembagaan Persekutuan ialah undang-undang paling tinggi di Malaysia dan dijadikan rujukan utama dalam penubuhan struktur pentadbiran negara, serta menjadi punca kuasa dan fungsi pelbagai institusi kerajaan. Sebagai undang-undang tertinggi, Perlembagaan Persekutuan mempunyai kesan yang penting terhadap undang-undang yang bertentangan dengannya (Abdul Aziz Bari & Farid Sufian Shuaib, 2009; Lee, 2017; Shad Saleem Faruqi, 2019). Apabila sesuatu undang-undang itu bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang tersebut dianggap tidak sah dan tidak berkuasa. Prinsip ini dikenali sebagai doktrin perundangan yang dikenali sebagai ketinggian perlembagaan. Dalam kes apabila undang-undang yang dihasilkan oleh badan perundangan, sama ada Parlimen atau DUN, bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, mahkamah berkuasa untuk membatalkan undang-undang tersebut (Perkara 4(1), Perlembagaan Persekutuan).



Kesan terbesar terhadap undang-undang yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan ialah undang-undang tersebut dianggap tidak sah dan terbatal (Faruqi, 2009; Harding, 2012). Hal ini bermakna, undang-undang tersebut tidak boleh dilaksanakan atau dikuatkuasakan dalam apa-apa keadaan. Mahkamah berkuasa untuk membatalkan undang-undang yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan melalui proses yang dikenali sebagai semakan kehakiman. Selain itu, undang-undang yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan juga menunjukkan keperluan untuk mereformasi undang-undang atau perubahan Perlembagaan Persekutuan itu sendiri. Proses ini melibatkan usaha untuk memperbaiki ketidakselarasan antara undang-undang dengan prinsip yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

### **Jadual Kesembilan, Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri**

Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan menggariskan bidang kuasa Parlimen dan DUN dalam penggubalan undang-undang. Dalam Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan, diperuntukkan seksyen yang berikut:

Seksyen 3. “Keselamatan dalam negeri, termasuk-

(k) Polis; penyiasat jenayah; pendaftaran penjenayah; **ketenteraman awam;**”

Seksyen 4. “**Undang-undang** dan tatacara sivil dan **jenayah** dan pentadbiran keadilan, termasuk-”

(h) Pewujudan kesalahan berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan atau yang diperkatakan oleh undang-undang persekutuan;

(k) Penentuan hukum syarak dan undang-undang diri yang lain bagi maksud undang-undang Persekutuan; dan

(l) Pertaruhan dan loteri.

Bahagian yang berkaitan daripada Perkara 1 Senarai Negeri, yang memberikan kuasa kepada negeri untuk menggubal undang-undang syariah, menetapkan seperti yang berikut:

Seksyen 1. “Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, **hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam**, termasuk hukum syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah,

pengangkatan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; wakaf dan takrif, serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam negeri; adat Melayu; zakat, fitrah dan baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, **pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan**; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya terhadap orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, **tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan**, mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan dalam kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin syarak dan adat Melayu”.

Prinsip undang-undang yang diterima pakai untuk menentukan, sama ada undang-undang yang digubal oleh Parlimen atau DUN adalah sah dan termasuk dalam batasan kuasa perundangan masing-masing, ujian yang terpakai ialah *pith and substance* (inti pati) peruntukan tersebut. Jika dari segi inti pati peruntukan yang ditetapkan oleh DUN itu ialah perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan, DUN tidak mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang itu (sila lihat *Mamat bin Daud & Ors lwn Government of Malaysia* [1988] 1 *MLJ* 119). Ujiannya bukanlah dengan membandingkan peruntukan yang dicabar tersebut dengan peruntukan sedia ada dalam undang-undang persekutuan untuk menentukan, sama ada terdapat ciri perbezaan pada kedua-duanya (lihat *Iki Putra bin Mubarrak lwn Kerajaan Negeri Selangor & Anor* [2021] 2 *MLJ* 323).

Mahkamah kemudiannya menyatakan bahawa kuasa DUN untuk menggubal undang-undang tidak boleh dihadkan pada undang-undang yang belum digubal oleh Parlimen. Hal ini masih perlu diputuskan mengikut fakta setiap kes apabila kesahan undang-undang negeri dipertikaikan. Dalam kes sedemikian, adalah tidak wajar untuk mahkamah terlebih dahulu menentukan, sama ada terdapat undang-undang persekutuan yang sama telah digubal oleh Parlimen atau tidak. Mahkamah, dalam kes *Nik Elin* ini menggunakan prinsip inti pati dalam kes *Mamat bin Daud & Ors lwn Government of Malaysia* [1988] 1 *MLJ* 119. Prinsip inti pati

merupakan prinsip yang menetapkan bahawa pembuat undang-undang seharusnya meneliti asas atau inti pati undang-undang yang dicadangkan atau dipinda, bukannya hanya melihat bentuk luaran undang-undang tersebut. Dengan erti kata lain, peraturan ini menekankan kepentingan untuk melihat tujuan sebenar penggubalan undang-undang, bukan sekadar melihat aspek formal atau teknikal sahaja.

Kuasa DUN adalah untuk menggubal perkara mengenai undang-undang Islam seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan, Senarai II – Senarai Negeri. Hal ini termasuklah kuasa untuk menubuhkan mahkamah yang mempunyai bidang kuasa terhadap orang Islam sahaja. Walaupun peruntukan ini jelas memperkatakan bidang kuasa negeri, banyak lagi undang-undang persekutuan yang menghadkan bidang kuasa negeri. Dalam bidang undang-undang jenayah, mahkamah syariah hanya mempunyai bidang kuasa berhubung dengan kesalahan seperti yang termaktub dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 yang memperuntukkan bahawa mahkamah syariah hanya boleh menjatuhkan hukuman di bawah kesalahan jenayah dengan maksimum penjara enam bulan atau suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau apa-apa denda yang tidak melebihi RM1,000 atau kedua-duanya sekali. Pada tahun 1984, bidang kuasa mahkamah syariah telah diperluas melalui Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984). Menerusi akta ini, mahkamah syariah boleh menjatuhkan hukuman penjara yang tidak melebihi tiga tahun atau apa-apa denda yang tidak melebihi RM5,000 atau sebatan enam rotan atau gabungan semua hukuman tersebut.

Kuasa perundangan persekutuan dan negeri ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan dalam Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri, dan Parlimen atau DUN tidak boleh menggubal undang-undang yang melangkaui senarai masing-masing (Abdul Aziz Bari & Farid Sufian Shuaib, 2009; Harding, 2012). Ujian yang selalu digunakan untuk menentukan, sama ada undang-undang yang digubal oleh Parlimen atau badan perundangan negeri adalah sah dan termasuk dalam batasan kuasa perundangan masing-masing ialah ujian terhadap inti pati atau kandungan peruntukan tersebut. Dalam kes ini, mahkamah menegaskan bahawa penilaian perlu melihat, sama ada badan perundangan negeri telah menggubal undang-undang yang berada di bawah mana-mana Perkara Senarai Persekutuan ketika menggubal undang-undang atau tidak.

### **b) Kesalahan berniaga dengan unsur riba**

Seksyen 41 termasuk di bawah kategori kesalahan takzir yang berkaitan dengan penjagaan harta. Tidak dapat dinafikan bahawa riba merupakan dosa besar dan pengharamannya jelas termaktub dalam Quran dan Hadis. Allah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 275 yang bermaksud “Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba”. Selain itu, Rasulullah bersabda yang bermaksud “Rasulullah melaknat penerima riba dan pembayar riba dan orang yang mencatatnya dan kedua-dua saksinya dan baginda berkata mereka itu semuanya sama” (Sahih Muslim, 1598). Dalam hadis ini, Rasulullah melaknat orang yang terlibat secara langsung dengan riba, bukan sahaja pemberi riba, tetapi termasuklah penerima, pembayar, pencatat dan saksinya.

Ironinya, Malaysia mengamalkan dwisistem kewangan. Dalam hal ini, sistem kewangan konvensional berasaskan riba dibenarkan oleh undang-undang semasa. Namun begitu, skop undang-undang Islam hanya terpakai untuk orang Islam, manakala larangan pelibatan dalam aktiviti riba tidak terpakai untuk bank yang dianggap sebagai badan korporat sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Bank Islam Malaysia Bhd lwn Adnan Bin Omar* [1994] 3 CLJ 735. Dalam kes ini, defendan mengemukakan bantahan awal kerana plaintif ialah Bank Islam. Oleh itu, mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes itu berikutan Fasal (1A) Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan. Dalam penolakan bantahan itu, mahkamah antara lainnya memutuskan bahawa Bank Islam ialah badan korporat yang tidak mempunyai agama dan tidak tertakluk pada bidang kuasa mahkamah syariah.

Oleh sebab tiada mana-mana undang-undang jenayah persekutuan yang menegah aktiviti berlandaskan riba oleh individu Islam, justifikasi keputusan membatalkan kesalahan di bawah Seksyen 41 agak kabur. Kewujudan kesalahan riba yang diperuntukkan di bawah Enakmen 2019 ini dapat menunjukkan sokongan badan perundangan negeri terhadap pengharaman amalan riba dalam perniagaan.

### **c) Kesalahan Berjudi**

Perbuatan berjudi ialah perbuatan yang diharamkan terhadap setiap Muslim. Pengharaman berjudi telah sabit dalam agama Islam apabila turunnya ayat yang mengharamkan perbuatan berjudi secara berperingkat. Pada permulaannya, perbuatan tersebut ditegah melalui surah al-Baqarah ayat 219 yang bermaksud “Mereka bertanya kepadamu wahai Muhammad

berkenaan arak dan judi, maka katakanlah kepada mereka, kedua-duanya ada dosa yang besar dan manfaat kepada manusia. Tetapi dosa kedua-duanya adalah lebih besar daripada manfaatnya”. Perbuatan berjudi kemudiannya diharamkan secara mutlak apabila turunnya ayat 90 dalam surah al-Maidah yang bermaksud; “Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya arak, berjudi, menilik pemujaan berhala, dan menilik nasib adalah sejenis kekotoran dan tergolong dalam amalan syaitan. Maka tinggalkanlah perbuatan tersebut. Semoga kamu tergolong dalam kumpulan manusia yang berjaya”.

Kedua-dua ayat ini menjadi bukti bahawa perbuatan judi ialah perbuatan yang hina lagi dikutuk dalam agama Islam. Imam Fakhruddin ar-Razi (1938) menegaskan bahawa perbuatan berjudi ialah suatu bentuk pengambilan harta secara batil. Beliau turut menerangkan bahawa perbuatan berjudi sering menjerumuskan manusia ke arah kemiskinan dan bergantung harap kepada nasib semata mata untuk mendapatkan kemenangan dan habuan.

Dalam penerapan perintah daripada Allah dalam dua ayat ini, Seksyen 37 di bawah enakmen ini menetapkan bahawa perbuatan berjudi dan berada di premis judi sebagai suatu kesalahan yang boleh dihukum oleh mahkamah syariah. Penganjuran dan penyediaan tempat bagi tujuan aktiviti perjudian oleh mana-mana Muslim juga merupakan suatu kesalahan. Dapat diperhatikan bahawa di bawah seksyen ini juga, pihak DUN Kelantan telah cuba memasukkan dua perkara yang berasaskan aktiviti perjudian walaupun perkara tersebut tidak menjadi kesalahan yang berasaskan tuntutan al-Quran.

Antara perkara menarik untuk diperhatikan dalam perbicaraan kes ini termasuklah pempetisyen telah menarik semula petisyennya untuk mengeluarkan kesalahan berjudi dan berada di premis judi di bawah Seksyen 37(1)(a) sebagai melebihi bidang kuasa legislatif DUN Kelantan. Penarikan semula ini dilakukan setelah pihak pempetisyen mendengar hujah daripada wakil Kerajaan Negeri Kelantan berkenaan seksyen berkenaan dan pempetisyen bersetuju bahawa kesalahan di bawah Seksyen 37(1)(a) adalah di bawah bidang kuasa DUN Kelantan.

Oleh sebab pihak pempetisyen menarik semula permohonan untuk menilai keabsahan Seksyen 37(1)(a), pihak mahkamah tidak mempunyai *lokus* untuk membicarakan keabsahan seksyen berkenaan. Perkara yang menarik untuk diperhatikan dalam kes ini ialah reaksi mahkamah dalam penilaian penarikan pempetisyen terhadap Seksyen 37(1)(a). Pihak mahkamah berpandangan bahawa tiada definisi khusus untuk mentakrifkan

“undang-undang jenayah” yang kemudiannya menjelaskan perbezaan skop antara jenayah sivil dengan jenayah yang bersifat keagamaan. Dalam usaha untuk memahami takrifan “undang-undang jenayah”, *Britannica Encyclopedia* telah dirujuk dan mahkamah berpendapat bahawa undang-undang jenayah sepatutnya merangkumi undang-undang sivil dan undang-undang syariah. Namun begitu, mahkamah memutuskan untuk menerima penarikan semula pempetisyen walaupun mahkamah berpandangan bahawa pempetisyen sepatutnya mengekalkan petisyen asalnya.

Dalam penilaian perkara ini, penarikan semula Seksyen 37(1)(a) oleh pempetisyen dirasakan tepat apabila mengambil kira dan membezakan konsep dan konteks perbuatan judi. Perbuatan berjudi bukanlah kesalahan jika dilakukan oleh orang bukan Muslim dan dilakukan di premis perjudian yang berlesen. Bagi orang Muslim, perbuatan berjudi ialah jenayah pada sisi agama walaupun dilakukan di premis perjudian berlesen.

#### **d) Bidang kuasa Mahkamah Syariah**

Sebelum tahun 1988, mahkamah sivil pernah mendengar dan memutuskan kes yang melibatkan undang-undang Islam seperti dalam kes *Myriam lwn Mohamed Ariff* [1971] 1 *MLJ* 265. Namun begitu, dengan pengenalan Perkara 121(1A), pemisahan itu makin jelas. Mahkamah sivil tidak boleh mengadili perkara yang berkaitan dengan isu agama Islam sebagaimana mahkamah syariah tidak boleh mengadili perkara yang termasuk dalam bidang kuasa mahkamah sivil.

Pada tahun 1988, pindaan terhadap Perkara 121 telah dilakukan di Parlimen dengan menambah Fasal (1A) seperti yang berikut:

“Maka hendaklah ada dua mahkamah tinggi yang selaras bidang kuasa dan tarafnya, iaitu:

(1A) Mahkamah-mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) tidaklah boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah syariah”.

Pindaan perlembagaan ini memisahkan bidang kuasa antara mahkamah syariah dengan mahkamah sivil (Perkara 121(1A)). Walau bagaimanapun, masih banyak kes yang melibatkan pertindihan bidang kuasa yang akhirnya memihak kepada mahkamah sivil. Dalam kes *Ng Wan Chan lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor* [1991] 3 *MLJ* 487, berlaku pertikaian, sama ada si mati, iaitu Lee Siew Kee, beragama Buddha atau

Islam. Balu si mati mendakwa bahawa suaminya beragama Buddha, sedangkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan berpendapat bahawa si mati seorang Islam ketika meninggal dunia. Balu berkenaan memohon deklarasi daripada mahkamah bahawa si mati beragama Buddha pada masa hidupnya sehinggalah pada saat kematiannya. Balu itu juga memohon injuksi interlokutor daripada mahkamah tinggi agar mayat suaminya tidak diserahkan kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Seterusnya, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan mempertikaikan bidang kuasa mahkamah tinggi yang mendengar kes ini kerana pihak majlis berpendapat bahawa bidang kuasa tersebut berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah Kuala Lumpur.

Dalam kes *Mohamed Habibullah lwn Faridah Dato' Talib* (1992) 2 *MLJ* 793, pihak responden yang telah berkahwin dengan perayu memohon pembubaran perkahwinannya. Oleh sebab kes itu lambat diselesaikan dan untuk mengelakkan gangguan daripada suaminya, pihak responden memfailkan guaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur terhadap suaminya untuk menuntut ganti rugi dan injuksi disebabkan oleh perbuatan dan serangan yang dikatakan dilakukan oleh suaminya, iaitu perayu. Pihak peguam yang mewakili defendan/perayu, kemudiannya mempertikaikan bahawa mahkamah tinggi sivil tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar tuntutan itu atau mengeluarkan injuksi interlokutor kerana kedua-dua belah pihak yang terlibat adalah beragama Islam dan prosiding berhubung dengan undang-undang keluarga Islam hanya layak didengar di mahkamah syariah berikutan pindaan Fasal (1A) Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah Agong memutuskan bahawa tujuan Parlimen meminda Perkara 121 (1A) adalah untuk menyingkirkan bidang kuasa mahkamah tinggi dan mahkamah bawahannya mengenai apa-apa perkara yang diperuntukkan dalam bidang kuasa mahkamah syariah. Tambahan pula, pihak yang terlibat ialah orang Islam dan hanya mahkamah syariah yang layak untuk mendengar tuntutan tersebut, seterusnya mengeluarkan injuksi. Dengan keputusan ini, mahkamah tinggi, mahkamah seksyen dan mahkamah majistret tidak mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes yang diperuntukkan di bawah undang-undang keluarga Islam, termasuklah yang berkaitan dengan keganasan rumah tangga sebagaimana yang termaktub dalam undang-undang keluarga Islam.

### **e) Bidang kuasa Dewan Perundangan Negeri**

Dalam kes *Ah Thian lwn Kerajaan Malaysia* [1976] 2 *MLJ* 112, Tun Suffian LP menyatakan bahawa "... bidang kuasa Parlimen dan DUN di

Malaysia adalah dihadkan oleh Perlembagaan dan mereka tidak boleh membuat undang-undang mengikut kehendak mereka.”

Dalam kes Nik Elin ini, mahkamah mengambil kira kecenderungan utama, iaitu hal perundangan jenayah diletakkan di bawah bidang kuasa Parlimen yang mengehendkan hal yang berkaitan dengan Islam dalam Senarai Negeri yang hanya terpakai untuk kesalahan yang bersifat agama semata-mata, iaitu kesalahan yang berkaitan sepenuhnya dengan ajaran Islam dan tidak ada yang lain. Mahkamah merujuk konsep federalisme bagi menjamin negeri dengan kuasa perundangan terhadap kesalahan dan hukuman yang melanggar ajaran Islam, kecuali hal yang termasuk dalam Senarai Persekutuan.

Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa jika terdapat undang-undang negeri yang tidak selaras dengan sesuatu undang-undang persekutuan, undang-undang tersebut terbatal dan tidak sah. Dalam penentuan, sama ada hal berkaitan jenayah itu berada di bawah bidang kuasa Parlimen atau DUN, mahkamah merujuk pembahagian hukum jenayah dalam Islam. Secara umumnya, terdapat tiga kategori kesalahan berbeza yang membentuk kesalahan jenayah syariah di Malaysia, iaitu:

- (a) kesalahan yang berkaitan dengan aqidah. Sebagai contoh, ibadah yang salah, menyimpang daripada kepercayaan Islam atau bertentangan dengan hukum syarak dan mengajar doktrin palsu;
- (b) kesalahan yang berkaitan dengan kesucian agama dan institusinya. Sebagai contoh, menghina al-Quran dan hadis, pengajaran agama tanpa tauliah, kegagalan untuk menunaikan solat Jumaat, menghina bulan Ramadan dan tidak membayar zakat; dan
- (c) kesalahan terhadap moraliti. Sebagai contoh, mengambil minuman yang memabukkan, hubungan seksual di luar nikah (zina) dan kedekatan yang rapat (khalwat).

Kesimpulan yang tidak dapat dielakkan dalam pentafsiran bidang kuasa DUN dalam penggubalan undang-undang Islam ialah kesalahan agama ini tidak ada kaitan dengan undang-undang jenayah dalam konteks yang diletakkan di bawah bidang kuasa Parlimen. Hal ini dikatakan demikian kerana kesalahan ini berada dalam bidang kuasa umum undang-undang jenayah, iaitu hanya Parlimen yang mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang sedemikian. Sistem umum ini ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia, khususnya pemisahan kuasa



perundangan antara Parlimen dengan DUN. Hal ini dapat dilihat dalam kes *Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor lwn Noordin bin Salleh & Anor* [1992] 1 MLJ 697 dan *Government of Negeri Sembilan & Ors lwn Muhammad Juzaili Bin Mohd Khamis & Ors* [2015] 6 MLJ 736.

#### **f) Lokus Standi**

*Lokus standi* ialah frasa Latin yang bermaksud tempat berdiri. Dalam undang-undang pentadbiran, *lokus standi* menunjukkan bahawa seseorang itu mempunyai hak untuk mencabar tindakan atau keputusan pentadbiran yang *ultra vires* atau menyalahi undang-undang. Tafsiran ini telah diguna pakai dalam kes *Datuk Bandar Kuala Lumpur lwn Perbadanan Pengurusan Trellises & Ors and other appeals* [2023] 3 MLJ 829 (Taman Rimba). Dalam kes ini, mahkamah menyatakan bahawa seseorang yang berniat untuk memohon semakan kehakiman bagi sebarang keputusan yang dibuat oleh mana-mana pegawai pentadbiran mesti membuktikan dirinya mempunyai *lokus standi*, iaitu kepentingan yang mencukupi dalam perkara yang dicabar dan dirinya terjejas disebabkan oleh keputusan pentadbiran pada peringkat permohonan usul. Dengan erti kata lain, permohonan untuk semakan kehakiman memerlukan mahkamah terlebih dahulu menentukan, sama ada pemohon mempunyai *lokus standi* untuk membawa kes tersebut ke mahkamah. Sekiranya mahkamah mendapati bahawa pemohon tidak mempunyai *lokus standi*, mahkamah akan menolak kes itu. Bagi menentukan seseorang itu mempunyai *lokus standi* atau tidak, mahkamah perlu mengambil pendekatan yang fleksibel. Jika peraturan *lokus standi* ditafsirkan secara terhad/rigid, seseorang yang tiada hak atau kepentingannya tidak terjejas mungkin tidak akan memohon untuk semakan kehakiman walaupun orang itu boleh mewakili orang lain yang terjejas. Peraturan 2(4) di bawah Perintah 53 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi (Malaysia) memperuntukkan bahawa jika seseorang “terjejas teruk” disebabkan oleh keputusan pihak berkuasa pentadbiran, dirinya berhak untuk memohon semakan kehakiman daripada mahkamah.

Pendekatan yang fleksibel terhadap tafsiran *lokus standi* ini digunakan di mahkamah United Kingdom untuk membolehkan lebih banyak orang memperoleh capaian terhadap prosiding semakan kehakiman. Secara perbandingan dengan mahkamah di Malaysia, *lokus standi* ditafsirkan secara lebih ketat, selari dengan Peraturan 2(4). Peraturan ini menghalang seseorang yang tidak “terjejas secara serius” daripada memohon semakan kehakiman.

Dalam kes ini, responden membahaskan bahawa pempetisyen tidak mempunyai *lokus standi* untuk memfailkan petisyen ini kerana petisyen ini bersifat akademik atau abstrak. Responden berpendapat bahawa pempetisyen ialah penyibuk yang tidak mempunyai asas untuk memulakan kes ini kerana pempetisyen tidak terjejas disebabkan oleh mana-mana peruntukan yang dipertikaikannya. Di samping itu, tidak ada pertikaian sebenar atau kontroversi antara pempetisyen dengan responden. Bagi menolak kenyataan responden, pempetisyen menyatakan bahawa dirinya berhasrat untuk menetap di Kelantan pada suatu hari nanti dan telah membeli hartanah di Kelantan. Oleh itu, pempetisyen merupakan penduduk negeri Kelantan dan Enakmen 2019 ialah undang-undang yang boleh digunakan terhadapnya. Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa dalam kes ini, pempetisyen mempunyai *lokus standi* kerana *lokus standi* sepatutnya ditafsirkan secara longgar untuk membenarkan mana-mana individu yang mempunyai semangat untuk memperjuangkan hak awam bagi memfailkan tuntutan undang-undang awam asalkan dirinya mempunyai kepentingan dalam hal tersebut. Malah, mahkamah berpendapat bahawa *lokus standi* harus dihakimi berdasarkan prinsip yang lebih luas berbanding dengan prinsip dalam kes Taman Rimba yang hanya mendengar semakan yang berkaitan dengan semakan kehakiman terhadap kesalahan pentadbiran, sedangkan kes Nik Elin ini berkaitan dengan semakan terhadap pelanggaran peruntukan Perlembagaan Persekutuan, iaitu undang-undang tertinggi di negara ini. Mahkamah telah mengambil pendekatan hakim minoriti dalam kes *Government of Malaysia lwn Lim Kit Siang* [1988] 2 MLJ 12 yang turut diguna pakai dalam kes Taman Rimba.

Dapat disimpulkan bahawa kes Nik Elin ini telah mengguna pakai pendekatan mahkamah di United Kingdom yang lebih fleksibel dan pernah berlaku dalam beberapa kes di Malaysia, termasuklah kes *Lim Clio Hock lwn Government of the State of Perak* [1982] MLJ 148. Dalam kes tersebut, plaintif memohon beberapa pengisytiharan yang berkaitan dengan kesahihan pelantikan Menteri Besar Perak sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ipoh oleh Pihak Berkuasa negeri Perak. Plaintif menyatakan bahawa dirinya mempunyai *lokus standi* sebagai Ahli Parlimen Ipoh, Ahli DUN Perak dan pembayar cukai di Perak. Hakim, Abdoolcader J. menyatakan bahawa hakim di Malaysia telah mula menerima pakai tafsiran yang lebih liberal dalam penentuan *lokus standi* seseorang. Hal ini menampakkkan anjakan daripada kaedah konvensional yang lebih ketat dalam penentuan, sama ada seseorang itu mempunyai *lokus standi* atau tidak. Mahkamah memutuskan bahawa sebagai pembayar cukai, plaintif

mempunyai *lokus standi* untuk memulakan prosiding bagi mendapatkan pengisytiharan.

### **g) Semakan Kehakiman**

Semakan kehakiman ialah kuasa mahkamah untuk menyemak semula keputusan dan tindakan kuasa pentadbiran dan aktiviti perundangan yang bertindak melebihi kuasa yang dibenarkan. Walau bagaimanapun, tafsiran “melebihi kuasa mereka” mungkin berbeza antara setiap kes dan mahkamah diberi kuasa dan budi bicara untuk membuat keputusan (Anantaraman, 1994; Hamid Sultan, 2018). Semakan kehakiman adalah penting kerana dapat menjaga kedaulatan undang-undang, melindungi seseorang daripada pencabulan hak asasi dan menggalakkan tadbir urus yang baik (Norazlina Abdul Aziz et al., 2023). Perlembagaan memperuntukkan hal yang berkaitan dengan kuasa badan kehakiman Perlembagaan juga menetapkan bahawa perundangan lain, terutamanya Akta Mahkamah Kehakiman 1964, Kaedah-kaedah Mahkamah 2012, Akta Tafsiran 1948 dan 1967, serta peraturan-peraturannya perlu dirujuk dalam pentafsiran kuasa am mahkamah dalam semakan kehakiman.

Semakan kehakiman terletak di bawah bidang kuasa asal Mahkamah Persekutuan. Bidang kuasa asal ini terhad dan sempit. Oleh itu, hanya kes tertentu yang boleh difailkan di Mahkamah Persekutuan melalui bidang kuasa ini. Hal ini diperuntukkan dalam Perkara 4(3), 4(4) dan 128(1) Perlembagaan Persekutuan. Dalam perbincangan amalan semakan kehakiman di Malaysia, perbincangan dapat dibahagikan kepada dua premis. Pertama, kuasa undang-undang dan keupayaan mahkamah untuk menentukan keabsahan sebuah undang-undang atau peraturan pentadbiran. Kedua, proses apabila mahkamah melaksanakan bidang kuasanya untuk menyemak tindakan pihak berkuasa awam yang telah melampaui kuasanya (Md Raus Sharif, 2017; Noor ‘Ashikin Hamid & Rusniah Ahmad, 2010).

Di bawah bidang kuasa asal Mahkamah Persekutuan ini pula, semakan kehakiman boleh dilakukan terhadap kes yang melibatkan pertikaian antara negeri atau antara persekutuan dengan mana-mana negeri. Semakan kehakiman ini juga boleh dilakukan terhadap kes yang melibatkan permohonan pengisytiharan bahawa undang-undang sedia ada adalah tidak sah atas alasan Parlimen atau Badan Perundangan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang berkenaan. Hal ini juga dikenali sebagai kes yang berkaitan dengan keabsahan undang-undang. Dalam kes Nik Elin ini, mahkamah mengguna pakai terma khusus bagi dua keadaan

yang dinyatakan ini, iaitu “cabaran kerana tiada bidang kuasa” dan “cabaran kerana tiada keseragaman” dan mengkategorikan kes ini sebagai kes “cabaran kerana tiada bidang kuasa”. Kes dalam kategori kedua tidak boleh difailkan terus di Mahkamah Persekutuan jika pihak yang memfailkannya bukan Kerajaan Persekutuan atau mana-mana kerajaan negeri di Malaysia. Petisyen ini hanya boleh difailkan selepas seorang hakim Mahkamah Persekutuan memberikan kebenaran untuk memfailkan petisyen tersebut. Perkara ini telah diterangkan dengan lebih lanjut dalam kes *Wong Shee Kai lwn Government of Malaysia* [2022] 6 MLJ 102. Keputusan dalam kes Wong Shee Kai ini menjelaskan punca tersebut dikategorikan sebagai “cabaran kerana tiada bidang kuasa” berbanding “cabaran kerana tiada keseragaman”.

Dalam kes *Loh Kooi Choon lwn Kerajaan Malaysia* [1977] 2 MLJ 187, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa perlembagaan ialah undang-undang tertinggi negara dan penggubalan undang-undang lain tidak boleh bercanggah dengannya. Mahkamah mempunyai kuasa untuk menyemak tindakan eksekutif dan perundangan lain, tetapi tidak menjadikan badan kehakiman lebih unggul daripada badan kerajaan yang lain. Pendapat ini juga turut diketengahkan dalam kes *Tan Seet Eng lwn Peguam Negara & Lain-lain* [2015] SGCA 59.

Dalam kes tersebut, mahkamah menyatakan bahawa pelaksanaan kuasa oleh badan kehakiman mengikut peranan penubuhannya tidak membentuk keagungan kehakiman. Seandainya tindakan perundangan atau eksekutif bertentangan dengan perlembagaan, mahkamah boleh mengisytiharkannya sebagai *ultra vires* dan tidak sah. Mahkamah bertanggungjawab untuk mengadili kesahihan bagi mana-mana tindakan yang mencabar tindakan perundangan persekutuan atau negeri. Malah, konsep ketinggian perlembagaan akan menjadi tidak bererti tanpa peranan badan kehakiman. Peranan penting badan kehakiman dalam usaha menegakkan prinsip undang-undang perlu dihormati. Semakan kehakiman sepatutnya dilihat sebagai satu asas penting bagi pentadbiran yang baik di bawah prinsip kehakiman.

## KESIMPULAN

Kes Nik Elin dan Tengku Yasmin melibatkan pertikaian undang-undang yang kompleks mengenai bidang kuasa Parlimen dan DUN dalam penggubalan undang-undang yang berkaitan dengan pelbagai isu, seperti undang-undang jenayah, undang-undang agama dan kewangan

Islam. Mahkamah memberikan keputusan penting yang menegaskan bidang kuasa Parlimen dalam penggubalan undang-undang yang berkaitan dengan isu tertentu, seperti pelacuran, keselamatan makanan dan perbankan Islam. Dalam kes ini, mahkamah menekankan bahawa undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan, seperti pelacuran, tidak boleh dianggap sebagai kesalahan yang khusus dari segi agama, tetapi sebagai undang-undang jenayah umum yang berkaitan dengan ketenteraman awam, keselamatan dan moral. Oleh itu, bidang kuasa Parlimen untuk menggubal undang-undang dalam hal ini telah ditegakkan. Mahkamah Persekutuan juga menggariskan kepentingan pentafsiran yang teliti terhadap senarai kuasa persekutuan dan negeri, serta kaedah undang-undang yang berkaitan dengan Islam supaya dapat diaplikasikan dalam kerangka undang-undang persekutuan. Hal ini menunjukkan perluasan kuasa Parlimen untuk menggubal undang-undang yang berkaitan dengan prinsip undang-undang Islam dalam konteks perbankan dan kewangan Islam. Oleh hal yang demikian, kes ini memberikan pandangan yang jelas mengenai peranan dan bidang kuasa Parlimen dalam penggubalan undang-undang yang relevan dengan kepentingan awam dan agama di Malaysia. Keputusan ini juga menegaskan kepentingan keserasian antara undang-undang persekutuan dengan undang-undang negeri untuk memastikan kestabilan dan keadilan dalam sistem perundangan negara.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Bari & Farid Sufian Shuaib. (2009). *Constitution of Malaysia; Text and commentary* (ed. ke-3). Prentice Hall.
- Ah Thian* lwn *Kerajaan Malaysia* [1976] 2 *MLJ* 112
- Anantaraman, V. (1994). Judicial review: The Malaysian experience (I). *Malayan Law Journal*, 1, lxxv.
- Azizi Umar & Supyan Hussin. (2012). Cabaran penyelarasan kuasa antara kerajaan negeri dan persekutuan dalam mengurus sekolah agama bantuan kerajaan (SABK). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(1), 21–30.
- Bank Islam Malaysia Bhd* lwn *Adnan Bin Omar* [1994] 3 *CLJ* 735
- Datuk Bandar Kuala Lumpur* lwn *Perbadanan Pengurusan Trellises & Ors and other appeals* [2023] 3 *MLJ* 829
- Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor* lwn *Noordin bin Salleh & Anor* [1992] 1 *MLJ* 697 *Government of Negeri Sembilan & Ors* lwn *Muhammad Juzaili Bin Mohd Khamis & Ors* [2015] 6 *MLJ* 736.

- Fakhruddin al Razi. (1938). *Al tafsir al kabir/mafatih al ghaib*. Dar al Kutub al `Ilmiyyah.
- Government of Malaysia* lwn *Lim Kit Siang* [1988] 2 *MLJ* 12
- Hamid Sultan Abu Backer. (2018). Constitutional oath, rule of law and judicial review: An alternative approach to basic structure jurisprudence. *Janab Journal of Law, 1*, 1–20.
- Harding, A. (2012). *The constitution of Malaysia: A contextual analysis*. Hart Publishing.
- Iki Putra & SIS Forum (M)* lwn *Kerajaan Negeri Selangor (Majlis Agama Islam Selangor; intervener)* [2022] 2 *MLJ* 356
- Jafar, M. (2020). Exploring the effectiveness of the judicial review practices within Malaysian legal system. *Journal of Social Science Advanced Research (JOSSAR)*, 1(2), 182–193. [https://doi.org/10.1016/s0140-6736\(85\)92693-5](https://doi.org/10.1016/s0140-6736(85)92693-5)
- Lee, H. P. (2017). *Constitutional conflicts in contemporary Malaysia* (ed. ke-2) (72–75). Oxford University Press.
- Lim Clio Hock* lwn *Government of the State of Perak* [1982] *MLJ* 148
- Loh Kooi Choon* lwn *Kerajaan Malaysia* [1977] 2 *MLJ* 187
- Mamat bin Daud & Ors* lwn *Government of Malaysia* [1988] 1 *MLJ* 119
- Md Abdul Jalil. (2004). Locus standi rule for judicial review: The current law in the UK and Malaysia. *Jurnal Undang-undang*, 8, 59–79.
- Md Raus Sharif. (2017). Judicial review: The Malaysian experience. *Journal of the Malaysian Judiciary*, Julai, 1–28.
- Mohamad Asrol Arpidi Mamat & Ahmad Zainuddin Husin. (2020). Isu dan krisis Perlembagaan Persekutuan 1988. *Jurnal Perspektif*, 12(1), 12–27.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. (2000). Bidang kuasa dan kedudukan mahkamah syariah di Malaysia pascaalaf 20: Ke arah mana? *Jurnal Syariah*, 8(2), 103–122.
- Mohamed Habibullah* lwn *Faridah Dato' Talib* (1992) 2 *MLJ* 793
- Muhammad Juzaili bin Mohd Khamis & Ors* lwn *State of Government of Negeri Sembilan, & Ors* (2018)
- Myriam* lwn *Mohamed Ariff* [1971] 1 *MLJ* 265
- Ng Wan Chan* lwn *Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor* [1991] 3 *MLJ* 487
- Norazlina Abdul Aziz, Mazlina Mohamad Mansoor, Nur Ezan Rahmat, Mastika Nasrun & Rosa Ristawati. (2023). An overview of judicial review in the Malaysian Court. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(1), 336–352.
- Shad Saleem Faruqi. (2019). *Our constitution*. Sweet & Maxwell.
- Wong Shee Kai* lwn *Government of Malaysia* [2022] 6 *MLJ* 102